



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 11 Tahun 2020

**PEMBERIAN PERGERAKAN GAJI TAHUNAN DIAWALKAN
KEPADA PEGAWAI YANG MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN
SEBELUM TARIKH PERGERAKAN GAJI**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada staf Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengenai penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2019 berkaitan Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) Diawalkan Kepada Pegawai Yang Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan Sebelum Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

LATARBELAKANG

2. Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2015 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2015, Kerajaan telah melaksanakan pemberian PGT diawalkan ke hari terakhir perkhidmatan kepada pegawai yang bersara paksa sebelum TPG. Namun, pelaksanaan ini tidak melibatkan pegawai lantikan tetap yang meninggal dunia dalam perkhidmatan sebelum menerima PGT.

- i. Mesyuarat Majlis Sumber Manusia Ke-42 bertarikh 16 Januari 2020 bersetuju untuk menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2019 berkenaan Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) Diawalkan Kepada Pegawai Yang Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan Sebelum Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) dan tarikh kuat kuasa Pekeliling tersebut adalah pada 1 Januari 2019.

- ii. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Ke – 173 bertarikh 7 Februari 2020 meluluskan untuk menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2019 berkaitan Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) Diawalkan Kepada Pegawai Yang Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan Sebelum Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) berkuatkuasa mulai 1 Januari 2019.

PELAKSANAAN

3. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2019 adalah berkaitan penambahbaikan pelaksanaan pemberian PGT diawalkan kepada pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan sebelum TPG. Dalam hal ini, TPG pegawai tersebut akan diawalkan pada tarikh pegawai meninggal dunia tertakluk pada syarat-syarat pemberian PGT.

3.1 Syarat-syarat Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan

Pemberian PGT dalam Pekeliling Perkhidmatan ini tertakluk kepada syarat dan kadar sedia ada dalam peraturan-peraturan berkaitan yang berkuat kuasa, terutamanya syarat-syarat yang berikut:

- i. pegawai mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- ii. diperakukan oleh Ketua Jabatan; dan
- iii. diluluskan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Kampus / Fakulti /Jabatan.

Contoh kaedah pelaksanaan pemberian PGT diawalkan kepada pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan adalah seperti di **Lampiran A, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2019.**

4. Dalam melaksanakan pemberian PGT diawalkan ini, UiTM bertanggungjawab untuk memastikan:


- i. PGT diawalkan ini hanya diberikan kepada pegawai yang layak; dan
- ii. perubahan gaji tersebut direkodkan dalam Rekod Kenyataan Perkhidmatan pegawai.

TARIKH DIKELUARKAN

5. Pekeliling dikeluarkan pada 4 Mac 2020.

TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 01 Januari 2019.



HAJAH SAKADAH IBRAHIM
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor UiTM Cawangan

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil. 11/2020)